

21/11/1997

Amerika perlu hargai hubungan baik

ORDE politik antarabangsa menuntut dunia terutama kuasa besar mengiktiraf kerajaan yang sah dalam usaha mewujudkan keamanan dan kestabilan di mana-mana rantau di dunia. Pengiktirafan ini memastikan pengekalan sistem sosial, kuasa kerajaan yang dilantik dengan sah dan pemeliharaan kebajikan rakyat negara terbabit. Pengiktirafan ini bertambah penting selepas berakhirnya Perang Dingin dan tumbangnya pengaruh komunis di belakang Tabir Besi. Rentak tari perhubungan antarabangsa pula menuntut kedaulatan sesebuah negara yang berakar umbi di kalangan rakyat diiktiraf kerana rakyatlah sumber kuasa yang sah. Pemimpin sesebuah kerajaan yang dipilih rakyat melalui sistem demokrasi wajib diiktiraf dunia apatah lagi kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Kedaulatan sesebuah negara yang kerajaannya dilantik secara sah akan tercabar apabila pemimpinnya hendak dijatuhkan secara tidak demokratik. Dalam hal ini, usul percaya sebulat suara kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan membantah tindakan Amerika Syarikat untuk menyiasat pelaburan Petronas di Iran adalah mandat kali kedua daripada rakyat selepas pilihan raya.

Usul itu, yang dibentangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, diluluskan selepas perbahasan lebih empat jam. Tiada bantahan dibuat ketika pengundian dijalankan. Ketika berucap membentangkan usul itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, dakwaan 34 anggota Kongres Amerika kononnya Dr Mahathir anti-Yahudi dan anti-Semitik adalah satu tuduhan melulu dan tidak benar sama sekali. Usul itu dibentangkan berikutan tindakan 34 anggota Kongres Amerika mendesak Dr Mahathir supaya meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerana didakwa menyatakan wujud konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau Asia Tenggara. Kita kesal kerana walaupun Dr Mahathir sudah berulang-kali menjelaskan bahawa kenyataannya disalahertikan dan beliau bukan anti-Yahudi, penjelasan itu diperkecilkan. Usul berkenaan juga turut membantah tindakan Amerika yang cuba menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya terhadap Petronas kerana melabur lebih daripada AS\$20 juta (RM66 juta) dalam projek gas di Iran.

Ketika keputusan meluluskan usul itu diumumkan, tiada seorang pun anggota pembangkang daripada DAP, Pas dan PBS berada di dalam dewan, kecuali Dr Patau Lubis (Star-Mas Gading). Bagaimanapun, PBS yang diketuai Datuk Dr Joseph Pairin Kitingan sudah menyatakan sokongannya terhadap usul itu ketika perbahasan.

Dewan Rakyat mempunyai 192 anggota dengan 168 mewakili Barisan Nasional (BN), manakala 24 anggota pembangkang, iaitu sembilan daripada DAP, Pas dan PBS masing-masing tujuh dan seorang daripada Star. Kita berharap usul ini akan diserahkan kepada Washington supaya anggota Kongres Amerika dengan segala kewajaran dan kewarasan fikiran menarik balik resolusinya kepada Kongres yang jelas membelakangi bukan saja diplomasi malah orde politik antarabangsa. Ahli Kongres, Robert Wexler bukan saja celupar terhadap pemimpin sebuah negara yang dipandang tinggi di rantau ini malah angkuh dalam kenyataannya. Belum terlambat ahli Kongres Amerika menarik balik resolusi negatif menyuruh Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan.

Kita menyokong usul Dewan Rakyat kerana jika resolusi Kongres Amerika berjaya dibentangkan dan disokong oleh Kongres, ia adalah satu perkembangan yang tidak sihat dalam percaturan dan kestabilan politik di rantau ini. Kita khuatir ahli Kongres Amerika selepas ini semakin berani mengambil tindakan terhadap mana-mana pemimpin atau negara apabila mereka

tersinggung. Mereka tidak berhak bertindak sewenang-wenangnya terhadap pemimpin mana-mana negara yang mereka tidak sependapat. Amerika perlu menghargai hubungan baik dengan Malaysia yang sekian lama terjalin selain mempunyai kepentingan perdagangan dan perhubungan ekonomi. Kadar perdagangan meningkat sehingga RM66 bilion tahun lalu. Pelajar kita di Amerika berjumlah 11,646 orang dan 3,602 daripadanya tajaan kerajaan.

Dr Mahathir menunjukkan beliau seorang yang menegakkan prinsip demokrasi dan masyarakat majmuk seperti yang boleh dilihat di negara ini. Tuduhan keterlaluan Wexler itu mencabar kedaulatan negara ini, yang berjaya mengekalkan keamanan, keluhuran undang-undang, dan mengamalkan kebebasan berpolitik, beragama dan kebudayaan. Dalam dunia tanpa sempadan yang menekankan kepada saling pergantungan ekonomi antara negara dalam apa yang disifatkan perkampungan sejagat, Amerika perlu menerima perbezaan yang wujud dalam masyarakat majmuk dunia.

(END)